

26/03/2000

Nik Aziz tidak setuju

MENTAKAB: Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat tidak bersetuju dengan campur tangan Raja-Raja Melayu bagi menyatupadukan orang Melayu yang berpecah disebabkan perbezaan politik.

Sambil menyifatkan Umno seperti anak yang asyik meminta pertolongan ibu bapa setiap kali menghadapi masalah, Mursyidul Am Pas itu berkata: "Kalau kamu semua (Umno) gentleman, toksah panggil pok (bapa), toksah panggil mok (emak), tetapi buat kerja sendiri. Sikit-sikit suruh pok dan mok tolong."

Nik Abdul Aziz berkata, apa yang dilakukan Umno sekarang menggambarkan seolah-olah parti itu terdesak sehingga terpaksa meminta campur tangan Majlis Raja-Raja.

"Saya sengaja sebut benda ini kerana perpecahan berpunca daripada Umno, bukan Pas. Sejak Umno bawa sekular, orang Melayu berpecah dua.

"Kalau Umno awal-awal lagi ambil negeri ini berlandaskan al-Quran dan hadis, tidak jadi masalah dan tidak perlu wujud Pas sebab semua akan masuk Umno, termasuk tok imam, cikgu, orang kampung dan tok guru," katanya ketika berceramah pada kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang di Kampung Lubuk Kawah di sini, malam kelmarin.

Persidangan Majlis Raja-Raja Khamis lalu, bersetuju sebulat suara untuk mengambil tindakan tertentu bagi menyatupadukan semula umat Islam di negara ini yang berpecah akibat perbezaan politik.

Persetujuan itu dicapai selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi taklimat khas kepada mesyuarat berkenaan mengenai perpaduan umat Islam di negara ini sekarang.

Nik Aziz mengulangi pendirian Pas mengajak Umno mengadakan muzakarah berhubung perpaduan ummah.

"Kita beberapa kali minta Umno muzakarah dan jangan berdebat, tapi dia nak berdebat. Alhamdulillah raja tidak membenarkannya," katanya.

"Muzakarah maknanya saling ingat-mengingat. Kalau parti dengan parti bertengkar, toksah panggil raja, tidak selesai masalah. Yang perlu ialah muzakarah dan letak al-Quran di tengah, baru selesai," katanya.

(END)